

Pemilihan Kerjaya Usahawan Dalam Kalangan Belia Malaysia

Manisah binti Mohamad
Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah,
E-mail:manisahmohamad1@gmail.com

Jusma binti Jaafar
Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
E-mail:jusma@gmail.com

Abstrak

Kertas konsep ini adalah berkenaan pemilihan kerjaya usahawan di kalangan belia. Penulisan di dalam kertas konsep ini memfokuskan kepada faktor-faktor sokongan dan faktor-faktor kekangan kepada pemilihan kerjaya usahawan dalam kalangan belia. Kertas konsep ini merupakan kajian ilmiah yang menggunakan data sekunder dari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Latar belakang keluarga yang bekerja sebagai usahawan atau peniaga sangat mempengaruhi belia untuk menjadikan usahawan sebagai kerjaya pilihan. Program-program keusahawanan yang dijalankan di IPT dapat memberi bantuan awal kepada bakal graduan dari aspek pemberian insentif untuk memulakan perniagaan, menulis plan perniagaan, membuat pemasaran serta mewujudkan jaringan perniagaan di antara graduan dengan pihak industri. Selain itu faktor psikologi seperti bebas membuat pilihan, kepuasan hati, kejayaan diri, pembangunan diri dan pengiktirafan merupakan faktor penting yang menyokong kepada pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan belia. Mentaliti dan sikap belia yang lebih selesa makan gaji ditambah pula masalah kewangan dan kekurangan modal merupakan faktor kekangan utama yang menghalang pemilihan usahawan sebagai pilihan kerjaya dalam kalangan belia. Selain itu faktor pensyarah yang kurang berpengalaman sebagai usahawan tidak berjaya mencetuskan aspirasi keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pemupukan dan pembudayaan keusahawanan harus bermula dari rumah sehingga ke peringkat tertiar. Seharusnya sistem pendidikan menekankan aspek kesediaan atau kemahiran praktikal dengan memperbanyakkan program latihan yang bercorak *hands on, problem-solving* dan *action oriented*. Aspek *entreprising* perlu dimasukkan ke dalam semua kurikulum IPT supaya bersifat keusahawanan. Pihak kerajaan perlu menyalurkan bantuan dengan cekap dan berkesan kepada golongan usahawan sasaran untuk menarik minat golongan belia menyertai bidang keusahawanan.

Kata kunci keusahawanan, belia, sokongan dan halangan

1. Pengenalan

Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diwar-warkan pada tahun 1971 hingga tahun 1990 bagi mencapai matlamat untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat majmuk di Malaysia. Di antara strategi dalam menyusun semula masyarakat ialah pembentukan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) agar golongan Bumiputera mampu melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi moden (Norashidah et al., 2009). Hasrat untuk mendorong Bumiputera menjadi usahawan turut dinyatakan di dalam Dasar Pembangunan Usahawan Bumiputera dan Dasar Pembangunan Industri Kecil dan

sederhana. Hasrat tersebut diperkuatkan lagi dengan pelancaran Dasar Perindustrian yang bermatlamat melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra melalui keusahawanan. Bagi memastikan semua matlamat tersebut tercapai, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bersama-sama dengan beberapa agensi lain seperti bank industri telah diwujudkan untuk memberi pelbagai khidmat untuk membangunkan usahawan termasuklah khidmat sokongan lawatan usahawan, pemasaran, geran, pinjaman, kemudahan prasarana dan khidmat nasihat (Ibrahim et al., 2009).

Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif kepada graduan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan bukan hanya berfikir untuk makan gaji selepas mereka tamat belajar nanti. Kerajaan menyarankan agar masyarakat bekerja sendiri dengan tidak mengharapkan bantuan orang lain untuk menyara diri dan keluarga. Pembudayaan keusahawanan di Malaysia dilihat dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat, maka budaya makan gaji dapat dikurangkan dengan kewujudan usahawan dalam pasaran pekerjaan.

Justeru, penulisan ini dilaksanakan bagi melihat apakah faktor-faktor yang menyokong dan mengekang pemilihan kerjaya sebagai usahawan dalam kalangan belia bumiputra. Galakan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan perlu diberikan kepada bakal graduan kerana golongan ini dilihat berpotensi menjadi usahawan yang berjaya. Selain itu, faktor kekangan yang menghalang golongan ini dari memilih kerjaya sebagai usahawan juga perlu dikenalpasti agar dapat terus diperbetul dan ditambahbaik agar keusahawanan dipilih sebagai salah satu peluang pekerjaan utama selepas mereka menamatkan pengajian.

Memiliki pencapaian akademik yang cemerlang tidak menjamin seseorang graduan mendapat pekerjaan yang diidamkan akibat persaingan yang sengit di bidang industri pada masa kini. Pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara telah mengeluarkan lambakan siswazah yang bersaing di antara satu sama lain untuk mencari pekerjaan. Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan 2011 yang dilaporkan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Omar Abdul Rahman mengatakan seramai 40,000 orang siswazah seluruh negara gagal mendapatkan pekerjaan, dimana 28% dari jumlah tersebut adalah di kalangan graduan lepasan Politeknik Malaysia (Pua, 2014). Oleh yang demikian, usahawan merupakan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan masalah pengangguran dimana mahasiswa tidak bergantung untuk makan gaji sahaja malahan sebagai usahawan mahasiswa dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada lebih ramai orang.

Justeru penulisan ilmiah ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menggalakkan belia menjadikan kerjaya usahawan sebagai pilihan kerjaya utama mereka selepas graduasi.

1.5 Kepentingan Kajian

Objektif penulisan ilmiah ini bertujuan untuk memberi gambaran dan maklumat yang jelas kepada pihak yang terlibat mengenai faktor-faktor yang dapat menjadi pendorong dan menjadi kekangan kepada belia bumiputra untuk memilih kerjaya sebagai usahawan.

2. Definisi Belia di Malaysia

Definisi belia adalah merujuk kepada individu yang berumur 15 sehingga 40 tahun yang mengambilkira skop di Malaysia. Walaubagaimanapun, umur ini adalah berbeza di pelbagai negara iaitu mengikut takrifan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi belia ialah antara 15-24 tahun manakala menurut Kesatuan Negara-Negara Bekas Jajahan British atau Commonwealth pula di antara 16 sehingga 24 tahun (Junaidi et al., 2012).

Takrifan belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995), pula mendefinisikan belia sebagai orang yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan-alasan berikut:


- i) Ia adalah takrif Majlis Belia Malaysia 1985
- ii) Ia dianggap golongan yang sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun.
- iii) Ia adalah sebahagian besar daripada jumlah rakyat negara ini. Apa-apa usaha bagi membina masyarakat, meninggalkan kesan secara menyeluruh.

Dalam buku Pembentukan Generasi Belia Selangor 2005: Satu Pengamatan, belia ditakrif sebagai peringkat umur dari 15 hingga 40 tahun. Julat umur di antara dua umur ini agak tinggi bagi memasukkan mereka dalam program pembangunan yang sama (Mohd Ismail, 2005).

3. Keusahawanan di Kalangan Belia Malaysia

Norashidah et al.,(2009) telah meneroka konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes pengalaman laluan kerjaya enam orang usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) pelbagai industri dalam konteks Malaysia yang telah terlibat dalam perniagaan lebih dari lima tahun. Kajian ini menggunakan kerangka berasaskan teori tindakan bertujuan dan teori tingkah laku terancang Fishben dan Ajzen (1980). Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah temubual separa berstruktur kerana pengkaji mempunyai maklumat tentang isu yang dikaji berdasarkan tinjauan literatur (Cavana et al. 2001). Protokol temubual telah dibina berdasarkan model integrative keusahawanan input dan keluaran (Morris et al.1997). Model Integratif Keusahawanan Input dan Keluaran ditunjukkan dalam Rajah 1. Data daripada temubual tentang pengalaman usahawan tersebut mendedahkan konsep kesediaan keusahawanan yang terdiri daripada

dua kategori utama iaitu kemahuan dan kebolehan. Elemen kemahuan dibahagikan kepada kesediaan sikap, kekuatan kerohanian dan kesediaan pembelajaran. Manakala kategori kebolehan terdiri daripada kesediaan aspek pemikiran keusahawanan, vokasional keusahawanan dan pengetahuan keusahawanan. Taksonomi kesediaan keusahawanan daripada pelbagai dimensi ini dapat digunakan untuk mengenal pasti elemen kesediaan yang wujud pada seseorang bagidalam usaha menyediakan mereka untuk menceburi kerjaya keusahawanan.



Rajah 1: Model Integratif Keusahawanan Input dan Keluaran
 Sumber: Morris et al.1997


Ibrahim et al., (2009) telah mengkaji tahap keberkesanan Program Pembangunan Usahawan Siswa (PPUS) di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang ditaja oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD). Sejak PPUS dilaksanakan di IPT, seramai 37000 siswa telah dilatih (Noh Omar, 2008). Matlamat program ini ialah untuk memupuk minat perniagaan di kalangan pelajar dan seterusnya memilih kerjaya keusahawanan apabila mereka tamat pengajian nanti. Walaupun sudah ramai siswa dilatih, hanya 2.3 peratus graduat memilih kerjaya usahawan. Kajian mendapati responden mempunyai persepsi yang sederhana tinggi terhadap bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Pegawai kanan tidak yakin bahawa bidang keusahawanan dapat menjamin masa depan pelajar.

Norfadhilah & Halimah (2010) di dalam kajiannya terhadap pelajar dari tiga buah IPTA iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia mendapati secara keseluruhannya pelajar IPTA masih belum berminat untuk menjadi usahawan walaupun lebih 80 peratus menunjukkan sikap positif terhadap kerjaya usahawan. Antara faktor yang menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan adalah orientasi keuntungan dan

keinginan untuk mendapat kecemerlangan hidup. Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya korelasi yang positif dan signifikan antara ciri keusahawanan, sikap terhadap kerjaya keusahawanan dan minat terhadap kerjaya keusahawanan. Kajian juga mendapati faktor bangsa, keluarga dan bidang pengajian pelajar menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan.

Muhammad Asri (2012) di dalam kajiannya telah mengenalpasti faktor yang mendorong transformasi di kalangan 500 orang pengusaha Enteprais Kecil dan Sederhana (EKS) Melayu di Johor Bahru daripada pekerjaan asal kepada bidang perniagaan. Selain itu, beliau turut menganalisis tahap prestasi dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Keputusan kajian secara umumnya menunjukkan bahawa faktor inisiatif diri sendiri, dorongan keluarga dan agama merupakan faktor utama yang mendorong mereka menceburi bidang usahawan manakala faktor latar belakang diri, kemahiran mengurus perniagaan, kemahiran jaringan dan sokongan institusi/kerajaan merupakan faktor yang signifikan mempengaruhi prestasi perniagaan.

Seterusnya, Zairon (2016) di dalam kajiannya membincangkan faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Malaysia berdasarkan Model Niat Keusahawanan (EIM) (rujuk Rajah 2). Graduan Kolej Komuniti telah digalakkan menjadi usahawan dan membina perniagaan mereka sendiri. Sejajar dengan matlamat utama pembinaan Kolej Komuniti Malaysia iaitu untuk melahirkan pekerja separa mahir selaras dengan konsep K-Ekonomi dan peningkatan ilmu melalui kursus pendek yang ditawarkan, EIM diperkenalkan sebagai model yang sesuai untuk dijadikan kajian kecenderungan keusahawanan (Zairon et al., 2016). Dapatan kajian menunjukkan tiga faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan responden iaitu sikap, peribadi pelajar sendiri dan faktor norma subjektif, iaitu sokongan sosial daripada keluarga dan rakan-rakan. Manakala faktor lain ialah faktor kawalan tingkah laku pelajar yang mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap kemampuan dan keupayaan mereka dalam mengendalikan perniagaan mereka sendiri.



Rajah 2: Model Niat Keusahawanan (EIM)


4. Faktor-faktor Sokongan Terhadap Pemilihan Kerjaya di Kalangan Belia Bumiputra

Norashidah et al., (2009) menggunakan rekabentuk kajian kes terhadap 6 unit analisis yang terdiri dari usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) untuk meneroka konsep kesediaan usahawan. Menurut Wiersma (2005), rekabentuk kajian kes membolehkan pengkaji memahami sesuatu fenomena tentang proses pembangunan usahawan dalam konteks semulajadi. Kajian kes dapat menjawab persolan kajian tentang “mengapa dan bagaimana” (Yin 1994).

Hasil dari temubual separa berstruktur yang dilaksanakan mendapati hampir semua peserta kajian mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dengan perniagaan. Oleh itu hal ini sedikit sebanyak dilihat memberi pengalaman yang sangat berguna kepada peserta kajian sebelum menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Selain itu, semangat peserta untuk belajar bagi memajukan diri dalam bidang perniagaan merupakan faktor penting yang mendorong peniaga IKS ini menceburkan diri sebagai usahawan. Jaringan kerja yang meluas (*wide networking*) juga dilihat sebagai kelebihan seseorang itu memilih kerjaya sebagai usahawan dimana mereka boleh berkomunikasi dengan baik dan berkebolehan untuk mengekalkan hubungan baik dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam perniagaan. IPT yang menyediakan persekitaran yang kondusif, sokongan kewangan, program-program keusahawanan dan pensyarah yang mampu berperanan sebagai mentor dan pakar perunding dapat menjadi faktor sokongan terhadap pemilihan kerjaya sebagai usahawan dalam kalangan belia. Responden yang ditemubual dalam kajian ini juga berpendapat sekiranya khidmat tenaga pengajar di IPT menggunakan pensyarah-pensyarah yang mempunyai latar belakang sebagai usahawan juga dilihat mampu menjadikan kerjaya usahawan sebagai pilihan utama graduan selepas tamat belajar.

Kerangka Taksonomi Kesediaan Keusahawanan yang ditunjukkan dalam Rajah 3 dan diperjelaskan dalam Jadual 1 menyatakan kesediaan

kemahuan pembelajaran usahawan dipengaruhi oleh nilai utiliti kemahiran dan pengetahuan yang dicari yang mendorong mereka mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang berguna untuk membangunkan perniagaan mereka (Norashidah et al., 2008). Pembelajaran keusahawanan bersifat pembelajaran secara *hands on* iaitu praktikal dan memerlukan pengalaman sebenar. Selain faktor kemahuan, faktor kebolehan pemikiran keusahawanan iaitu kebolehan menganalisis persekitaran, menjana idea, berfikiran kreatif dan mempunyai kepekaan pasaran serta mempunyai kebolehan dan modal merupakan penggalak untuk menceburi kerjaya ini (Pragg & Ophem, 1995).



Rajah 3: Taksonomi Kesiediaan Keusahawanan
 Sumber: Norashidah et al., 2009

Jadual 1: Tema dan Sub tema

Tema	Subtema
Sikap	Keperluan pencapaian, inovatif, kawalan diri, pengambilan risiko, toleransi terhadap kekaburan, harga diri.
Kemahuan pembelajaran	Kemahuan yang tinggi untuk belajar dan memajukan diri
Kekuatan kerohanian	Jujur, bersyukur, bertanggungjawab, taat perintah Allah, 9/10 rezeki dalam perniagaan, redha, berusaha untuk kejayaan
Kemahiran vokasional keusahawanan	Kemahiran dalam bidang masing-masing, menguruskan perniagaan, mengatur sumber
Pemikiran keusahawanan	Menilai persekitaran, menjana idea, kreatif, merebut peluang
Pengetahuan keusahawanan	Pengurusan perniagaan, pengurusan aliran tunai, jaringan kerja, etika dan tanggungjawab masyarakat, pertumbuhan perniagaan

Sumber: Norashidah et al., 2009

Perkongsiian ilmu di kalangan ahli korporat dengan pelajar IPT berkenaan perniagaan dan keusahawanan merupakan faktor sokongan yang boleh membuka minda pelajar untuk memilih kerjaya sebagai usahawan. (Ibrahim et al., 2009). Pelbagai bantuan kepada para graduan yang berminat untuk bergelar usahawan juga disediakan melalui program PPUS yang dijalankan di IPT samada dari segi insentif untuk memulakan perniagaan, bantuan menulis pelan perniagaan, bantuan membuat pemasaran serta bantuan untuk menghubungkan bakal graduan dengan pihak luar untuk mewujudkan jaringan perniagaan (Ibrahim et al., 2009).


Norfadhilah & Halimah (2010) di dalam kajiannya mendapati majoriti responden yang terdiri dari pelajar IPTA menyatakan bahawa faktor yang berorientasikan keuntungan dan faktor ingin mendapat kecemerlangan dalam hidup adalah faktor utama yang menyokong pemilihan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar IPT. Majoriti pelajar bersikap positif terhadap kerjaya keusahawanan. Kesedaran tentang peranan, kepentingan dan sumbangan bidang keusahawanan kepada peningkatan ekonomi diri sendiri telah menguatkan sikap mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Keusahawanan dilihat sebagai salah satu dari jalan penyelesaian bagi masalah pengangguran siswazah berijazah dalam zaman kesukaran mendapat pekerjaan kerana saingan yang terlalu sengit di antara graduan yang dikeluarkan dari pelbagai IPTA dan IPTS.

Mohd Asri et al., (2012) di dalam kajiannya turut bersetuju bahawa faktor latarbelakang keluarga yang mempunyai perniagaan atau menjadi usahawan turut menyumbang kepada pemilihan kerjaya sebagai usahawan. Selain itu faktor psikologi seperti kebebasan, kepuasan hati,

kejayaan diri, pembangunan diri dan pengiktirafan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan responden. Kerjaya sebagai usahawan memberi peluang kepada mereka untuk bebas membuat pilihan dan meletakkan target pencapaian mengikut kemampuan sendiri agar dapat mencapai kepuasan apabila target telah dapat dicapai. Mohd Asri (2012) turut menyatakan kemahiran mengurus perniagaan dan kemahiran jaringan serta sokongan institusi kerajaan juga dilihat sebagai faktor-faktor yang dapat menyokong pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan bumiputra.

Zairon et al. (2016), telah menjalankan kajian kuantitatif kepada 1277 graduan kolej komuniti di seluruh Malaysia untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan sikap personal pelajar sebagai faktor pendorong utama yang mempengaruhi niat keusahawanan di kalangan pelajar. Sikap personal merujuk pada sikap seseorang individu samada positif atau negatif dalam membuat keputusan terhadap sesuatu bidang yang ingin diceburinya (Ajzen 1991, 2002). Kalafatis et al., (1999) menegaskan bahawa tarikan personal terhadap jumlah hasil yang dijangkakan diambil kira memungkinkan niat atau hasrat seterusnya ke arah kecenderungan keusahawanan. Linan et al., (2007) turut menyatakan tarikan personal bergantung kepada individu itu sendiri dimana terdapat pengaruh positif di antara sikap personal dengan niat keusahawanan.

Zairon et al., (2016) di dalam kajiannya juga menyatakan selain faktor sikap personal terdapat dua lagi faktor penting yang menyokong niat keusahawanan di kalangan pelajar Kolej Komuniti iaitu norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Norma subjektif adalah merupakan pengaruh persekitaran yang mempengaruhi tindakan seseorang individu untuk bertindak balas secara positif atau sebaliknya (Ajzen, 1997, 2002). Pengaruh persekitaran ini antara lain adalah terdiri daripada rakan sebaya, keluarga, parti politik, organisasi agama dan lain-lain. Ini bermakna jika seseorang individu itu terpengaruh dengan individu dalam persekitarannya atau individu dalam persekitarannya menyokong penglibatannya maka mereka akan cenderung untuk mewarisi norma persekitaran tersebut. Kajian lampau menyokong hubungan positif antara norma subjektif dengan niat keusahawanan (misalnya Ajzen, 1991; Krueger & Carsrud, 1993; Linan et al., 2007 dan Tsogas, 1999). Kawalan tingkah laku terkawal merujuk pada tahap kesukaran melaksanakan sesuatu perlakuan yang memberi kesan kepada keyakinan seseorang individu tersebut melakukan apa yang dikehendakinya (Ajzen, 1991, 2002; Kalafatis et al., 1999). Kolveroid (1996) dalam kajian untuk meramal niat keusahawanan menggunakan teori kawalan tingkah laku. Huraian dan penjelasan mengenai Model Kerangka Kajian Niat Keusahawanan diilustrasikan dalam Rajah 4.



Rajah 4: Model Kerangka Kajian Niat Keusahawanan
 Sumber: Zairon et al., 2016

4.2 Faktor-faktor Kekangan Terhadap Pemilihan Kerjaya di Kalangan Belia Bumiputra

Mentaliti untuk makan gaji selepas bergraduat merupakan faktor kekangan utama yang menghalang pemilihan usahawan sebagai kerjaya utama di kalangan graduan. Sikap segelintir graduan yang lebih selesa untuk mencari kerja daripada berusaha membuka perniagaan sendiri merupakan faktor yang menghalang pemilihan kerjaya usahawan sebagai pilihan nombor satu graduan selepas tamat pengajian. Selain itu sikap graduan yang tidak membuat persediaan untuk membuka perniagaan termasuk tiada rancangan pelan perniagaan turut menjadi faktor kekangan kepada graduan untuk bergelar usahawan. Ada di antara graduan yang hanya akan menyediakan pelan perniagaan selepas diminta oleh pihak bank untuk berbuat demikian berikutan ia merupakan syarat untuk mendapatkan kelulusan pinjaman modal perniagaan dari bank. Penembusan pasaran domestik yang agak terhad turut menyebabkan responden tidak berminat untuk menjadi usahawan kerana perlu berusaha keras untuk meneroka pasaran luar negara atau membuat inovasi terhadap produk-produk yang telah sedia ada di pasaran. Ada responden di dalam kajian ini yang menyatakan kegiatan tidak beretika sesetengah pihak dan juga sikap berat sebelah dalam memberikan pinjaman modal perniagaan kerana mereka adalah golongan usahawan bumiputra turut menjadi sebahagian faktor kekangan untuk menjadikan usahawan sebagai pilihan kerjaya utama (Norashidah et al., 2009).

Ibrahim et al., (2009) di dalam kajiannya turut bersetuju bahawa mentaliti graduan yang lebih selesa makan gaji merupakan faktor utama yang mengekang pemilihan kerjaya usahawan di kalangan graduan. Selain itu, responden di dalam kajian ini turut menyatakan kaedah mengajar subjek keusahawanan sama seperti kaedah mengajar subjek-subjek yang lain sebagai tidak praktikal dan tidak dapat menarik minat graduan untuk bergelar usahawan selepas tamat belajar. Menurut Gibb

(1996), usahawan belajar secara berkesan dan memperolehi kompetensi tertentu melalui pengalaman dalam menyelesaikan masalah dalam keadaan sebenar dan semasa. Oleh itu pendidikan keusahawanan seharusnya mengambilkira faktor konteks iaitu persekitaran sebenar keusahawanan. Penglibatan siswa yang aktif dalam program PPUS tidak dijadikan sebahagian kriteria dalam pemilihan anugerah pelajar cemerlang dan begitu juga dengan penglibatan aktif pensyarah dalam program PPUS tidak diambilkira dalam kriteria penilaian kenaikan pangkat menjadi salah satu faktor program tersebut tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh di institusi sekaligus menyebabkan matlamat utama program tersebut untuk melahirkan usahawan agak terhalang. Selain itu siswa juga tidak sempat beri tumpuan kepada program usahawan di dalam kampus ekoran terbeban dengan jadual aktiviti akademik yang sangat padat turut menjadi faktor kekangan kepada pemilihan kerjaya usahawan sebagai kerjaya nombor satu di kalangan graduan (Ibrahim et al., 2009).

Majoriti responden di dalam kajian Norfadhilah & Halimah (2010) mempunyai ibubapa yang bekerja makan gaji dan selesa dengan pendapatan yang diterima setiap bulan. Hal ini tidak berjaya mencetus aspirasi kerjaya keusahawanan di kalangan responden. Selain itu faktor pensyarah tidak mempengaruhi pemilihan pelajar ke arah kerjaya keusahawanan dan pensyarah tidak berjaya mendorong atau mencetuskan aspirasi pelajar ke arah kerjaya keusahawanan. Pensyarah dilihat lebih menguasai aspek pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan bukan aspek sikap dan nilai seperti personaliti dan tingkah laku keusahawanan yang sewajarnya. Oleh itu orientasi teknik pengajaran keusahawanan yang sesuai dan kursus-kursus pembentukan sikap keusahawanan perlu diberikan kepada pensyarah terlebih dahulu supaya pensyarah tersebut berupaya merangsang motivasi, mengubah minda dan seterusnya mencetus aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar (Norfadhilah & Halimah, 2010). Responden di dalam kajian ini turut menyatakan latihan industri yang diterima tidak berupaya mempengaruhi mereka untuk memilih kerjaya keusahawanan. Kebanyakan latihan industri menitikberatkan aspek kemahiran menjadi pekerja cemerlang dan bukan untuk menjadi usahawan berjaya. Kebanyakan pelajar tidak berani mengambil risiko untuk menjadi usahawan walaupun mereka bersikap positif terhadap kerjaya keusahawanan. Sikap takut melakukan kesalahan dan tidak mahu menanggung risiko kegagalan merupakan faktor kekangan utama yang menghalang pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar selepas tamat belajar.

Mohd Asri et al., (2012) mendapati masalah utama yang membelenggu kebanyakan belia yang ingin memulakan perniagaan adalah masalah kewangan dan modal. Belia yang baru mahu mula menjadi usahawan biasanya tidak mempunyai kedudukan kewangan yang teguh. Usahawan baharu ini juga dilihat agak sukar dalam mendapatkan pinjaman modal perniagaan dari pihak bank kerana tidak mempunyai aset untuk dicagarkan dan pelan perniagaan yang dibuat masih belum cukup

mantap serta diyakini. Segelintir usahawan yang menggunakan modal dari simpanan sendiri dan hanya menjalankan perniagaan mikro sahaja.

5. Kesimpulan Dan Cadangan

Latar belakang keluarga yang mempunyai perniagaan atau menjadi usahawan merupakan faktor utama yang menyokong pemilihan usahawan sebagai pilihan kerjaya utama dalam kalangan belia. Banyak kajian-kajian lepas menyatakan ahli keluarga yang menjadi peniaga atau usahawan dapat mencetuskan aspirasi keusahawanan dalam kalangan belia. Selain itu elemen kemahuan dan kebolehan belia dalam mempraktikkan pembelajaran keusahawanan juga merupakan faktor penting yang menyokong pemilihan kerjaya usahawan. Perkongsian ilmu dari ahli-ahli korporat dan usahawan berjaya mengenai pengalaman sebagai usahawan dapat memberikan inspirasi kepada graduan di institusi pengajian tinggi untuk bergelar usahawan selepas mereka bergraduat. Program-program keusahawanan yang dilaksanakan di institusi pengajian tinggi dapat memberi bantuan awal kepada bakal graduan dalam memulakan kerjaya sebagai usahawan samada dari segi pemberian insentif untuk memulakan perniagaan, bantuan menulis pelan perniagaan, bantuan membuat pemasaran serta bantuan untuk menghubungkan bakal graduan dengan pihak luar untuk mewujudkan jaringan perniagaan. Selain itu faktor psikologi seperti bebas membuat pilihan, kepuasan hati, kejayaan diri, pembangunan diri dan pengiktirafan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan belia. Kerjaya usahawan dilihat dapat meningkatkan taraf hidup dan status sosial seseorang itu. Sikap personal adalah faktor penting yang mempengaruhi kecenderungan seseorang belia itu terhadap niat keusahawanan. Sikap personal menentukan samada seseorang itu positif atau negatif untuk menceburkan diri sebagai usahawan. Faktor persekitaran yang terdiri daripada rakan sebaya, keluarga, parti politik, organisasi agama dan lain-lain juga adalah merupakan faktor yang menyokong pemilihan kerjaya usahawan di kalangan belia dimana mereka cenderung untuk mewarisi norma dari orang-orang yang berada di persekitaran mereka. Banyak kajian-kajian lepas menyatakan mentaliti dan sikap belia yang lebih suka mencari kerja dan makan gaji sebagai faktor kekangan utama yang menghalang pemilihan usahawan sebagai pilihan kerjaya utama di kalangan belia. Sikap graduan yang tidak merancang untuk membuat pelan perniagaan menyebabkan mereka tidak bersedia untuk menjadi usahawan. Masalah kewangan dan kekurangan modal juga merupakan faktor yang mengekang pemilihan usahawan sebagai kerjaya pilihan utama graduan. Kesukaran mendapatkan pinjaman modal dari bank disebabkan tiada aset untuk dicagarkan dan rancangan perniagaan yang tidak diyakini ditambah pula dengan sikap berat sebelah sebahagian institusi bank yang tidak membantu golongan usahawan bumiputra merupakan salah satu faktor yang membantutkan hasrat untuk bergelar usahawan di kalangan belia. Selain itu faktor pensyarah yang mengajar subjek keusahawanan di IPT sama seperti subjek-subjek lain dilihat tidak

dapat mencetuskan aspirasi kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar. Sesetengah pensyarah yang mengajar subjek keusahawanan sebenarnya tidak pernah terlibat dengan pengalaman sebagai usahawan sebenar. Oleh yang demikian, para pensyarah yang mengajar subjek keusahawanan perlulah diberi peluang untuk menjalani latihan sebagai usahawan sebenar dan menyelesaikan masalah sebenar agar dapat mendorong dan memberi aspirasi kepada para pelajar untuk menceburkan diri sebagai usahawan. Sikap graduan yang takut melakukan kesilapan dan tidak mahu menanggung risiko kegagalan merupakan faktor kekangan utama yang menghalang mereka untuk menjadi usahawan.

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh dicadangkan bagi mencetuskan aspirasi kerjaya keusahawanan sebagai pilihan utama di kalangan belia antaranya ialah pemupukkan dan pembudayaan keusahawanan serta galakan ke arah bidang keusahawanan harus bermula dari rumah sehingga ke peringkat tertuari. Seterusnya para pensyarah yang mengajar bidang keusahawanan di IPT seharusnya diambil dari kalangan mereka yang terlibat sebagai usahawan sebenar atau pensyarah yang telah dilatih dengan pengalaman sebagai usahawan sebenar. Dengan itu, para pensyarah ini dapat memberi dorongan dan merangsang motivasi pelajar seterusnya mencetuskan kerjaya usahawan di kalangan pelajar. Seharusnya sistem pendidikan menekankan aspek kesediaan atau kemahiran praktikal dengan memperbanyakkan program latihan yang bercorak *hands on*, *problem-solving* dan *action oriented*. Aspek *entreprising* perlu dimasukkan ke dalam semua kurikulum universiti supaya bersifat keusahawanan seperti yang disarankan oleh Alan Gibbs (Mohd Amir Sharifuddin, 1995). Seterusnya setiap IPT hendaklah menggalakkan projek penyelidikan dan pembangunan dalam bidang keusahawanan, mempromosikan semua inovasi di universiti dan mengkomersilkan produk penyelidikan. Pihak IPT perlulah mewujudkan persekitaran keusahawanan yang bersesuaian dalam kampus dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti kedai, gerai dan tempat berniaga bagi menyokong siswa menjalankan perniagaan. Perlaksanaan program-program keusahawanan tidak seharusnya terhad kepada aktiviti perniagaan dalam kampus sahaja tetapi hendaklah memberi peruntukan untuk menempatkan pelajar yang berminat dan terpilih untuk menjalankan program latihan industri di syarikat-syarikat swasta bagi satu tempoh tertentu (Ibrahim et al., 2009). Selain itu pihak kerajaan perlu sentiasa berusaha untuk menyalurkan bantuan dengan cekap dan berkesan kepada golongan usahawan sasaran untuk menarik minat golongan usahawan Melayu menyertai bidang keusahawanan. Kemudahan pinjaman kepada usahawan Melayu yang baru memulakan perniagaan perlulah dilonggarkan serta tempoh bayaran balik perlulah dipanjangkan bergantung kepada prestasi kewangan perniagaan mereka (Mohd Asri et al., 2012).

RUJUKAN

- Ajzen, I. (1991). "The Theory of Planned Behaviour, Organizational Behaviour and Human Decision Process". 50(2):179-211
- Ajzen, I. (2002). "Perceived Behaviour Control, Self-Efficacy, Locus of Control, and The Theory of Planned Behaviour". *Journal of Applied Social Psychology*, 32(4), 665-683.
- Cavana, R.Y., Delahaye, B.L. & Sekaran, U. (2001). "Applied Business Research, Qualitative and Quantitative Methods". *Milton Queensland: John Wiley & Sons. Australia, Ltd.*
- Fishben, M. & Ajzen, I. (1980). "Understanding Attitudes and Predicting Social Behaviour". *Jil .Vol 4. Orlando: Academic Press.*
- Gibb, A. (1996). Do We Really Teach (approached) Small Business the Way We Should? Dalam Low Aik Meng & Tan Wee Liang (pnyt.) *Entrepreneurs, Entrepreneurship and Enterprising Culture (hlm 113-132). Singapore: Addison Wesley Publishing Group.*
- Ibrahim Mamat, Wan Mohd Zaifurin & Noorun Nashriah. (2009). "Nilai, Sikap dan Amalan Pegawai Kanan Institut Pengajian Tinggi Terhadap Program Pembangunan Siswa". *Jurnal Kemanusiaan Bil 14.*
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Rosmadi Fauzi & Novel Lyndon. (2012). "Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia." *Jurnal Melayu (9) 2012:191-214.*
- Kalafatis, S.P., Pollard, M., East, R. & Tsogas, M.H. (1999). "Green Marketing".
- Kolvereid, L. (1996). "Organization Employment versus Self-Employment: Reason for Career Choices." *Intentions Entrepreneurship Theory & Practice*, 20(3): 23-31.
- Krueger, N. F. & Carsrud, A.L. (1993). "Entrepreneurial Intentions".
- Linan, F. & Chen Y.W. (2009). "Development and Cross-Cultural Application of a Specific Instrument to Measure Entrepreneurial Intentions". *Intentions in Entrepreneurship Theory & Practice: 504-510.*
- Mohd Amir Shariffudin Hashim, Barjoyai Bardai, Rogayah Md Zain & Zulkifli Senteri, 1995. "Program Usahawan Muda, Kajian Keberkesanan Peningkatan Motivasi & Minat terhadap

- Keusahawanan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah". *Jurnal Pendidikan* 20: 67-83.
- Mohd Ismail Mustari. (2005). "Menjadi Belia Cemerlang". Bentong Pahang. PTS Publication & Distributors.
- Morris, M.S., Lewis, P. & Sexton, D.S. (1997). "Reconceptualizing Entrepreneurship: An Input-Output Perspective". *SAM Advanced Management Journal*. 55(1): 21-31.
- Muhammad Asri Abd Ghani & Zaimah Dawawi. (2012). "Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bharu". *Prosiding PERKEM VII, Jilid 1:696-708*.
- Noh Omar. (9 Julai 2008). Petikan dari Bernama.
- Norashidah Hashim, Norasmah Othman & Noraishah Buang. (2009). "Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia". *Jurnal Pendidikan* 34(1):187-203.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun. (2010). "Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar IPTA". *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1):11-17.
- Pragg, C.M.V. & Ophem, H.V. (1995). "Determinants of Willingness and Opportunity to Starts as an Entrepreneur. Dalam P. Westhead & M.Wright (pnyt.) *Advances in Entrepreneurship Vol II, hlm 69-95*.
- Pua Poh Keong. (2014). "Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir di Politeknik KPM." Master Thesis. UTHM, Johor,
- Wiersma, W. (2005). "Research Methods in Education: An Introduction". Edisi ke-6. *Massachusetts: Allyn and Bacon*.
- Yin, R.K. (1994). *Case Study Research: Design and Method*". *Thousand Oak, California: Sage Publication, Inc*.
- Zairon Mustapha, Mohd Yusof Tawang & Abdul Halim Ahmad. (2016). "Faktor yang Mempengaruhi Niat Keusahawanan dalam Kalangan pelajar Kolej Komuniti Malaysia". *Journal of Social Sciences and Humanities, Vol 1:28-35*.